

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 AUGUST 2016

Yayasan Peneraju capai 25 peratus daripada sasaran menjelang 2020

Bangunkan 40,000 bakat bumiputera

Um - 20/8/2016

Oleh SHARAIMEI SHAIK
AHMEDULLAH dan JUANI MUNIR
ABU BAKAR

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 OGOS

YAYASAN Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) mencapai 25 peratus daripada sasaran untuk membangunkan 40,000 bakat bumiputera menjelang 2020 menerusi 117 program dengan perbelanjaan RM206 juta.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Peneraju berkata, pencapaian tersebut menjadikan Yayasan Peneraju berjaya membangunkan 10,000 bakat bumiputera yang menerima pembiayaan di bawah tiga program terasnya iaitu Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional sehingga Ogos 2016.

"Sudah ramai lepasan program Yayasan Peneraju kini berjaya mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang lumayan," katanya ketika berucap pada majlis Perjalanannya Merealisisasi 40,000 Aspirasi selepas mempengerusikan mesyuarat Yayasan Peneraju di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Fokus yayasan tersebut katanya, adalah melalui segmen-segmen pembiayaan akademik, skil dan profesional yang mana bagi program skil melalui pengenalan program pembiayaannya.

Pada masa sama Yayasan Peneraju juga mengetengahkan usa-



NAJIB TUN RAZAK melayani permintaan 'selfie' Hamisan Sapie, anak yatim berketurunan Orang Asli yang merupakan antara 24 penerima pembiayaan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

ha untuk mengarus perdanakan program pembangunan dan peningkatan kemahiran bakat Bumiputera menerusi latihan teknikal dan vokasional.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Ghani dan Ketua Eksekutif Yayasan Peneraju, Raja Azura Raja Mahayuddin.

Menurut Perdana Menteri lagi, menjelang tahun 2020, Yayasan

Peneraju turut menyasarkan untuk melatih sebanyak 30,000 penerima faedah di bawah program peneraju skil.

Katanya, sehingga Jun lalu, sebanyak 63 program telah dilaksanakan melibatkan 5,019 penerima faedah dan pelaburan berjumlah RM51.6 juta di bawah teras Peneraju Skil.

Najib berkata, menerusi Rancangan Malaysia Ke-11, yayasan tersebut telah diberi mandat untuk memperluaskan lagi latihan kemahiran dan program profes-

sional bertauliah bagi membangunkan tenaga kerja mahir Bumiputera.

"Terdapat dua program di bawah program Peneraju Skil iaitu program peneraju skil iltizam dengan menyasarkan penyertaan belia berumur antara 17 sehingga 23 tahun yang kurang cenderung dalam akademik manakala program peneraju skil yang menyasarkan pelatih berumur 40 tahun ke bawah bertujuan meningkatkan lagi kemahiran mereka," katanya.